

BHPetrol Hari Malaysia: Peraduan Spend Kaw-Kaw! dan Malaysian Challenge

1. TERMA DAN SYARAT

Peraduan dan Kelayakan untuk peraduan ini diuruskan oleh pihak Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd.

- a) Dengan menyertai pertandingan *Facebook: Spend Kaw-Kaw*, dan *TikTok: Malaysian Challenge* anda bersetuju untuk mematuhi semua syarat dan ketentuan yang dinyatakan dalam seksyen ini.
- b) Pertandingan ini terbuka kepada semua penduduk dan pemastautin tetap Malaysia yang mempunyai MyKad yang sah kecuali pekerja penganjur (BHPetrol) termasuk syarikat-syarikat yang bersekutu dan berkaitan serta ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk pasangan); dan/atau wakil, pekerja, pelayan dan/atau ejen penyedia perkhidmatan iklan dan/atau promosi penganjur termasuk syarikat-syarikat yang bersekutu dan berkaitan serta ahli keluarga terdekat mereka.
- c) Tempoh peraduan adalah dari **2 September 2024, 12.00 pagi hingga 16 September 2024, 11.59 malam**.
- d) Penganjur berhak untuk menghentikan, mengubah, meminda, memadam, atau menambah syarat dan ketentuan peraduan *Facebook: Spend Kaw-Kaw* dan *TikTok: Malaysian Challenge* ini tanpa notis pada bila-bila masa.
- e) Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan, kerosakan, atau perbelanjaan yang timbul daripadanya.
- f) Keputusan Penganjur adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.

2. CARA-CARA MENYERTA PERADUAN:

2.1 Untuk menyertai pertandingan *Facebook: Spend Kaw-Kaw*, peserta dikehendaki:

- a. *Like* dan *Follow* akaun rasmi BHPetrol di *Facebook*.
- b. *Tag* 3 rakan/kenalan anda di *Facebook*.
- c. Jawab quiz dengan ayat **tak lebih dari 10 patah perkataan**.
- d. Peserta hanya boleh komen jawapan sekali sahaja sepanjang tempoh pertandingan.
- e. Jika terdapat lebih daripada satu komen dari satu akaun, hanya satu komen sahaja akan diterima.
- f. Komen terakhir yang akan diambil kira adalah **sebelum 16 September pada 11.59 malam**.
- g. Pemenang akan dipilih berdasarkan komen yang mempunyai *Like* yang tertinggi dan keunikan.
- h. 10 pemenang akan dipilih dengan 3 pemenang utama akan menerima hadiah utama.
 - **Pemenang pertama** akan memenangi Baucar fizikal BHPetrol bernilai RM100 yang akan dihantarkan kepada mereka dan 5,000 *ePoints* yang akan dikreditkan ke dalam aplikasi *eCard* BHPetrol mereka.
 - **Pemenang kedua** akan memenangi Baucar Fizikal BHPetrol bernilai RM80 dan 2,500 *ePoints* yang akan dikreditkan ke dalam aplikasi *eCard* BHPetrol.

- **Pemenang ketiga** akan memenangi baucar fizikal BHPetrol bernilai RM60 dan 1,000 *ePoints* yang akan dikreditkan ke dalam aplikasi *eCard* BHPetrol mereka.
 - **7 pemenang saguhati** akan menerima baucar fizikal BHPetrol bernilai RM20 dan 500 *ePoints* yang akan dikreditkan ke dalam aplikasi *eCard* BHPetrol.
- i. Pemenang akan diumumkan selepas pertandingan tamat melalui akaun *Facebook* Rasmi **@bhp petrol.malaysia**. Pemenang akan dihubungi oleh pihak BHPetrol.

2.2 Untuk menyertai pertandingan *TikTok: Malaysian Challenge*, peserta dikehendaki:

- a. *Follow* akaun rasmi BHPetrol di *TikTok*.
- b. Balas *announcement video* dengan video anda bertemakan “*Tell us that you’re Malaysian, without telling us you’re Malaysian*”
- c. Sebutkan nama 3 rakan/kenalan anda untuk sertai *TikTok: Malaysian Challenge* melalui video anda di *TikTok*.
- d. Video terakhir yang akan diambil kira adalah **sebelum 16 September pada 11.59 malam**.
- e. Pemenang akan dipilih berdasarkan video yang mempunyai *Like* yang tertinggi.
- f. 10 pemenang akan dipilih dengan 3 pemenang utama akan menerima hadiah utama.
 - **Pemenang pertama** akan memenangi Baucar fizikal BHPetrol bernilai RM100 yang akan dihantarkan kepada mereka dan 5,000 *ePoints* yang akan dikreditkan ke dalam aplikasi *eCard* BHPetrol mereka.
 - **Pemenang kedua** akan memenangi Baucar Fizikal BHPetrol bernilai RM80 dan 2,500 *ePoints* yang akan dikreditkan ke dalam aplikasi *eCard* BHPetrol.
 - **Pemenang ketiga** akan memenangi baucar fizikal BHPetrol bernilai RM60 dan 1,000 *ePoints* yang akan dikreditkan ke dalam aplikasi *eCard* BHPetrol mereka.
 - **7 pemenang saguhati** akan menerima baucar fizikal BHPetrol bernilai RM20 dan 500 *ePoints* yang akan dikreditkan ke dalam aplikasi *eCard* BHPetrol
- g. Pemenang akan diumumkan selepas pertandingan tamat melalui akaun *TikTok* Rasmi **@bhp petrol.malaysia**. Pemenang akan dihubungi oleh pihak BHPetrol.

3. KRITERIA PEMILIHAN

- a. Hanya penyertaan yang sah akan dipertimbangkan. Penyertaan dianggap sah apabila semua prosedur yang diperlukan seperti yang dinyatakan dalam bahagian cara Penyertaan diikuti. Walau bagaimanapun, penganjur berhak untuk menolak mana-mana penyertaan tanpa perlu memberikan sebarang alasan. Sebarang keputusan dari penganjur adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.

4. PEMENANG DAN HADIAH

- a. Jumlah **3** pemenang untuk Hadiah Utama.
- b. Jumlah **7** pemenang untuk Hadiah Saguhati.
- c. Hadiah:
 - **Pemenang pertama** akan memenangi Baucar fizikal BHPetrol bernilai RM100 yang akan dihantarkan kepada mereka dan 5,000 *ePoints* yang akan dikreditkan ke dalam aplikasi *eCard* BHPetrol mereka.
 - **Pemenang kedua** akan memenangi Baucar Fizikal BHPetrol bernilai RM80 yang akan dihantarkan kepada mereka dan 2,500 *ePoints* yang akan dikreditkan ke dalam aplikasi *eCard* BHPetrol mereka.
 - **Pemenang ketiga** akan memenangi baucar fizikal BHPetrol bernilai RM60 yang akan dihantarkan kepada mereka dan 1,000 *ePoints* yang akan dikreditkan ke dalam aplikasi *eCard* BHPetrol mereka.
 - **7 pemenang saguhati** akan menerima baucar fizikal BHPetrol bernilai RM20 yang akan dihantarkan kepada mereka dan 500 *ePoints* yang akan dikreditkan ke dalam aplikasi *eCard* BHPetrol mereka.
- d. *ePoints* hanya boleh digunakan untuk menebus barangan dan promosi yang disenaraikan dalam Katalog Ganjaran aplikasi *eCard* BHPetrol atau barang jualan BHPetrol **tak termasuk** bil utiliti, rokok, servis cuci kereta dan khidmat tambah nilai.

4.1 Keputusan pemenang untuk peraduan *Facebook: Spend Kaw-Kaw*.

- a. Pemenang akan dimaklumkan melalui akaun *Facebook* Rasmi BHPetrol.
- b. Pemenang akan dihubungi untuk memberikan nama penuh, nombor telefon dan nombor aplikasi *eCard* BHPetrol mereka, serta stesen BHPetrol terdekat untuk penghantaran hadiah.
- c. Penganjur berhak untuk mengubah mana-mana hadiah tanpa notis terlebih dahulu.
- d. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai.
- e. Pemenang dikehendaki untuk menyediakan butiran peribadi berikut jika diminta, iaitu:
 - Nama, nombor telefon dan alamat emel.
- f. Penganjur dan mana-mana pihak yang bertindak bagi pihak penganjur mungkin menggunakan butiran tersebut untuk berkomunikasi dengan pemenang mengenai perkara yang berkaitan dengan *Facebook: Spend Kaw-Kaw*. Kecuali jika dipaksa oleh undang-undang yang berkenaan, penganjur tidak akan memberikan maklumat tersebut kepada pihak ketiga tanpa kebenaran.

4.2 Penebusan hadiah:

- a) Penganjur tidak memberikan sebarang jaminan atau perwakilan berkenaan hadiah dan tidak akan bertanggungjawab atau liabil atas sebarang masalah dan/atau kerosakan yang berlaku atau timbul daripadanya.
- b) Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah tersebut dengan hadiah lain yang sama nilai atau nilai yang lebih rendah.
- c) Peserta dengan ini secara tidak boleh ditarik balik persetujuan dan memberi kebenaran kepada penganjur untuk menerbitkan sebarang perkara yang berkaitan dengan penyertaan dan tidak terhad kepada nama peserta atau temu bual dan gambar untuk tujuan pengiklanan dan promosi pada masa akan datang.

- d) Penganjur tidak bertanggungjawab atas kesilapan sambungan Internet yang mungkin menjejaskan peraduan ini.

5. LIABILITI

Penganjur tidak akan bertanggungjawab atau liabiliti atas sebarang masalah, kerosakan, atau kehilangan dalam apa jua bentuk kepada mana-mana peserta atau wakil hasil daripada penyertaan mereka dalam *Facebook: Spend Kaw-Kaw* dan *TikTok: Malaysian Challenge*, sebarang kesilapan (termasuk kesilapan dalam pemberitahuan pemenang *Facebook: Spend Kaw-Kaw* dan *TikTok: Malaysian Challenge*), ketinggalan, gangguan, pemadaman, kecacatan, kelewatan dalam operasi atau penghantaran, kegagalan talian Internet, kecurian, pemusnahan, atau akses tanpa kebenaran kepada penyertaan, komputer yang tergendala sama ada berlaku semasa operasi atau penghantaran akibat fungsi pelayan, virus, atau punca lain di luar kawalannya.

6. DISKUALIFIKASI

Penganjur berhak untuk mendiskualifikasikan sesiapa yang didapati cuba mengganggu proses penyertaan atau peraduan *Facebook: Spend Kaw-Kaw* dan *TikTok: Malaysian Challenge*, serta bertindak dalam pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat *Facebook: Spend Kaw-Kaw* dan *TikTok: Malaysian Challenge* ini. Sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.

7. PENAFIAN

Penganjur menerima dan memproses data peribadi peserta mengikut polisi privasi penganjur dan PDPA apabila peserta menyediakan data peribadi kepada Penganjur. Peserta mengakui bahawa mereka telah bersetuju dengan terma dan syarat Penganjur semasa menyertai *Facebook: Spend Kaw-Kaw* dan *TikTok: Malaysian Challenge* dengan membenarkan Penganjur mengumpul, menggunakan, dan memproses data peribadi peserta mengikut polisi privasi Penganjur dan PDPA untuk tujuan berikut:

- a. Menghantar maklumat kepada peserta berkaitan dengan promosi dalam talian, *Facebook: Spend Kaw-Kaw*, *TikTok: Malaysian Challenge* dan acara, serta aktiviti pemasaran penganjur, kecuali peserta telah menyatakan kepada penganjur bahawa mereka tidak mahu penganjur memproses data peribadi mereka untuk tujuan tersebut;
- b. Menggunakan maklumat peserta untuk analisis pemasaran dan statistik bagi perancangan dan kegunaan demografik;
- c. Mematuhi undang-undang tempatan dan keperluan peraturan atau untuk membantu dalam penguatkuasaan undang-undang dan siasatan oleh pihak berkuasa yang berkaitan;
- d. Sebarang tujuan lain yang berkaitan dengan aktiviti pemasaran penganjur.

8. NOTIS POLISI PERLINDUNGAN DATA DAN PRIVASI

Data peribadi peserta termasuk nama dan butiran hubungan mereka yang telah mereka berikan kepada penganjur semasa penyertaan dalam *Facebook: Spend Kaw-Kaw* dan *TikTok: Malaysian Challenge* BHPetrol akan direkodkan, disimpan, atau diproses oleh penganjur untuk tujuan yang berkaitan dengan *Facebook: Spend Kaw-Kaw*, *TikTok: Malaysian Challenge* dan untuk pengiklanan, publisiti, pemasaran, dan tujuan perniagaan sah lain penganjur. Data peribadi peserta mungkin didedahkan kepada rakan kongsi, penyedia perkhidmatan dan rakan perniagaan yang berkaitan dengan penganjur seperti agensi perhubungan awam, firma penyelidikan pasaran, agensi pengiklanan (jika ada) untuk tujuan dan sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang privasi data yang berkenaan.